

GENEOLOGI ASAS KEDAULATAN DAN LEGITIMASI KERAJAAN KEDAH TRADISIONAL

***GENEALOGY A FUNDAMENTAL ASPECT OF SOVEREIGNTY AND
LEGITIMACY IN THE KEDAH TRADITIONAL KINGDOM***

Jazliza Jamaluddin¹

Accepted date: 31-10-2017

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Jamaluddin, J. (2018). Geneologi Asas Kedaulatan dan Legitimasi Kerajaan Kedah Tradisional. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(11), 01-08.

Abstrak: Kerajaan Kedah adalah salah sebuah kerajaan Melayu tua dan terawal di rantau Asia Tenggara pada sekitar abad ke-2 M sehingga abad ke-14 M. Pembentukan Kerajaan Kedah adalah berdasarkan kepada dua elemen penting iaitu kedaulatan dan legitimasi. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah kedaulatan dan legitimasi dipengaruhi oleh elemen geneologi. Analisis terhadap ketiga elemen ini adalah berdasarkan premis dari para sarjana dan disusun mengikut pendekatan kronologi waktu dalam menghuraikan sistem penggantian raja di Kerajaan Kedah. Hasil kajian ini mendapati geneologi menjadi aspek yang mendasari dalam sistem penggantian raja di Kerajaan Kedah yang berpandukan kepada tiga ciri yang utama iaitu; signifikan putera sulung, mengenalpasti susurgalur bangsa dan di kalangan ahli pemerintah. Hal ini adalah untuk memastikan dalam pemerintahan, sistem penggantian raja berada pada satu aliran geneologi keturunan raja sahaja. Upacara kerajaan, adat istiadat dan keperibadian seseorang raja juga mengukuhkan lagi kedudukan kedaulatan dan legitimasi bersama-sama dengan geneologi.

Kata kunci: Geneologi, Kedaulatan, Legitimasi

Abstract: The Kedah Kingdom was one of the Malay old kingdom and the earliest kingdom in the Southeast Asia region from 2nd century up until 14th century. The formation of the Kedah Kingdom was based on two important elements mainly sovereignty and legitimacy. The purpose of this research is to know and to examine on the extent that sovereignty and legitimacy was influenced by the element of genealogy. Analyses on those three elements are based on scholars' premise and it is arranged according to the chronological sequences in explaining the king replacement system of the Kedah Kingdom. The outcomes of this research discovered that genealogies as the fundamental aspect in the replacement of king in the Kedah Kingdom are based on the three main attributes: the significance of the eldest prince, to elucidate race genealogy and the king is elected among the rulers. This is to ensure that in the administration, the king replacement system was only based on the genealogy of the king.

¹ Jazliza Jamaluddin adalah pensyarah kanan di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Sekolah Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

The royal ceremony, customs and the personality of the king were also important to reaffirm the status of the sovereignty and legitimacy together with genealogy.

Keywords: Genealogy, Sovereignty and Legitimacy

Pendahuluan

Kedudukan Kedah yang strategik dalam jalur perdagangan dan mempunyai perlabuhan yang eksklusif menelusuri Sungai Merbok untuk sampai ke kaki Gunung Jerai menjadikan Kedah terkenal di kalangan pedagang di antara abad ke 2M sehingga 14M.² Ini jelas apabila Kedah menjadi sebutan di kalangan pedagang India dengan istilah *Kataha*³ dan *Kadaram*⁴, manakala di kalangan orang China mereka menyebut dengan nama *Chieh-cha*⁵ sedangkan pedagang Arab memanggil dengan *Kalah*.⁶ Dalam menunggu pertukaran angin monsun, kebiasaannya para pedagang ini akan singgah dan tinggal di Kedah dalam tempoh tertentu sehingga berkembang hubungan dengan masyarakat setempat dengan membiak bahasa dan kepercayaan yang berbeza. Gabungan ciri-ciri seperti istilah atau topónim, kegiatan masyarakat, agama dan bahasa merupakan landasan penting dalam pembentukan kerajaan Kedah dan seterusnya kewujudan institusi raja yang menjadi simbol kedaulatan dan legitimasi di negeri ini. Perbincangan kajian ini disusun berdasarkan kaedah kronologi waktu dengan menggunakan pendekatan secara deskriptif analisis. Ini bertujuan untuk memastikan pengkisahan peristiwa sejarah bersifat lebih menyeluruh, tuntas dan relevan pada masa kini supaya perbincangan sejarah menjadi akurat dan berkesan.⁷

Kedaulatan dan Legitimasi Kerajaan Kedah Tradisional

Politik Tradisional Kedah 1681-1842' oleh Mohammad Isa Othman⁸ menyatakan bahawa kedaulatan adalah mutlak dan tertinggi yang hanya dimiliki oleh seseorang yang mempunyai kuasa kepimpinan bertaraf raja atau pihak pemerintah. Pernyataan beliau ini telah disokong oleh R.O. Winstedt⁹ yang berpendapat kedudukan raja yang mempunyai kedaulatan menunjukkan baginda sudah memperolehi legitimasi atau pengabsahan dari masyarakat. Menurut K. Ramanathan, legitimasi adalah pengiktirafan kepada kuasa raja daripada pemerintah yang kuat atau terdahulu mendapat pengabsahan.¹⁰ Kedaulatan dan legitimasi adalah dua aspek penting dalam mendasari pembentukan kerajaan. Khoo Kay Kim¹¹ menjelaskan pembentukan kerajaan tidak mengutamakan kawasan namun lebih mementingkan di mana kedudukan raja tersebut berada. Milner¹² juga berpendapat tentang kepentingan keberadaan raja dalam pembentukan sebuah kerajaan.

² Roland Braddell, *A study of ancient times in the Malay Peninsula and the straits of Malacca and notes as ancient times in Malaya*, MBRAS, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 341.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ S.Q. Fatimi, *In quest of Kalah*, JSEAH, 1960, Vol. 1, No. 2 hlm. 62.

⁷ Mestika Zed, 'Pendekatan Deskriptif dan Analitik Dalam Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah', https://www.academia.edu/28535975/PENDEKATAN_DESKRIPTIF_DAN_ANALITIK_DALAM PEMBELAJARAN_SEJARAH_DI_SEKOLAH_MENENGAH, 2016, tarikh akses 12 Ogos 2018.

⁸ Muhammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 17.

⁹ R. O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, Marican & Sons, Kuala Lumpur, 1976.

¹⁰ K. Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm 139-140.

¹¹ Khoo Kay Kim, *Kerajaan dan Negeri: Ke Arah Depersonalization Institusi Raja*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan Malaysia, Kuala Lumpur, 1999.

¹² A. C. Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, University of Arizona, Arizona, 1982, hlm. 114.

Pembinaan Kerajaan Kedah adalah bermula dengan status *chiefdom* yang berkembang menjadi *kingdom*. Sebelum kedatangan raja pertama Kerajaan Kedah iaitu Maharaja Derbar Raja pada abad ke-7 M, Kedah adalah diperintah oleh seorang yang bergelar ketua.¹³ Persoalannya adakah Kerajaan Kedah tradisional ini mendapat pengaruh dari kerajaan-kerajaan seperti Sriwijaya, Jawa Tengah dan Kutai? Ini kerana kerajaan-kerajaan tersebut juga bermula dengan status ketua dan kemudiannya raja.¹⁴ Di Kedah, permulaan sistem politik ketua bermula di peringkat kampung atau *chiefdom* yang dikenali sebagai ketuha atau ketua kampung. Tebing sungai menjadi pemilihan kawasan yang signifikan dalam permulaan pembentukan kampung. Dalam memimpin komuniti di peringkat kampung ini adalah dipertanggungjawabkan kepada ketua kampung. Gullick menganggap peranan ketua kampung dan penghulu adalah sama pada permulaan sistem politik Melayu tradisional.¹⁵ Dalam pemilihan ketua kampung adalah di kalangan masyarakat kampung yang paling senior dan mempunyai keupayaan menjadi pemimpin berdasarkan pengalaman. Di Kedah jawatan ketua yang mewakili puak atau kaum Melayu ini dikenali sebagai Tan Dermadewa dan Tun Perkasa. Tanggungjawab ketua kampung pada ketika ini adalah bertindak menjaga keselamatan kampungnya dari sebarang anasir luar yang cuba menceroboh.

Maka untuk memahami perubahan dari status ketua kepada raja, kajian ini melihat kedudukan Kedah sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Arus perubahan di akhir zaman neolitik telah membawa evolusi dalam bidang ekonomi apabila terdapatnya hubungan perdagangan. Keadaan ini juga mempengaruhi dalam sistem politik dengan terbentuknya *city state* di Semenanjung Tanah Melayu akibat dari jalan perdagangan Timur dan Barat yang menghubungkan benua India dan China.¹⁶ Arus kedatangan pedagang India di Tanah Melayu telah membawa bersama konsep raja menerusi proses *Indianisasi* melalui perkahwinan dan pengamalan pengangkatan raja¹⁷. Menurut Hall menjelaskan bahawa pengangkatan raja berlaku melalui peranan golongan Brahmin iaitu golongan terpelajar yang telah mempengaruhi ketua penduduk tempatan.¹⁸ Ini turut dijelaskan oleh Nik Hassan Shuhaimi bahawa hubungan perdagangan dengan India telah membawa penyaluran pengetahuan tentang konsep kehinduan. Begitu juga dengan kunjungan ke tempat suci (di India dan di China) telah membawa bersama konsep raja kepada ketua kampung yang kemudian diangkat menjadi Raja.¹⁹

Menjelang abad ke-2M berlaku proses Indianisasi di Kedah akibat pengaruh lokalisasi yang bertujuan untuk menyesuaikan dengan suasana tempatan.²⁰ Pengaruh Hinduisme mudah menyerap ke dalam masyarakat tempatan kerana kepercayaan animisme yang mempunyai

¹³ Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Silsilah Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 5.

¹⁴ Abdullah Jumain, *Hiraki Sosial dalam Kerajaan-kerajaan Awal di Nusantara*, Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1997.

¹⁵ J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.

¹⁶ M. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, 1986, hlm. 39.

¹⁷ Kenneth R. Hall, *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, University of Hawaii Press, Honolulu, 1985, hlm. 1.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Pre-modern Cities in Malay Peninsula and Sumatera, *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Ikatan Arkeologi Malaysia, Bangi, 1993, hlm. 68-69.

²⁰ David G. Maar & A. C. Milner (edt.), Herman Kulke, *The Early and the Imperial Kingdom in Southeast Asian History, Southeast Asia in the 9th to 14th centuries*, Institute Southeast Asian Studies, Singapura, 1986, hlm. 2-3.

kaitan dengan *supernatural* menganggap seseorang yang mempunyai kuasa luar biasa. Maka apabila raja dianggap sebagai seorang yang mempunyai kuasa *supernatural* maka ianya mudah untuk mempengaruhi masyarakat setempat ketika itu. Selanjutnya adalah kemasukan Islam di Kedah bermula pada tahun 1136M semasa pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derbar Raja yang kemudiannya memakai nama Islam iaitu Sultan Muzaffar Shah. Islamisasi di Kedah berlaku melalui peranan ulama iaitu Tuan Shaikh Abdullah. Proses pengislaman ini tidak begitu menimbulkan kesukaran kerana pengaruh raja yang begitu penting dalam masyarakat trasdisional telah mempengaruhi rakyat untuk memeluk Islam. Proses pengislaman ini juga telah menyaksikan penukaran istilah ‘raja’ kepada ‘sultan’ dalam pemakaian nama ‘sultan’ pada setiap sultan Kedah.²¹

Dalam menentukan kedaulatan dan legitimasi sultan, alat kebesaran yang menjadi simbol kerajaan yang penting. Ini kerana jika alat-alat kebesaran tidak ada sewaktu pengangkatan sultan maka proses pertabalan tidak dapat dilaksanakan. Alat-alat kebesaran ini adalah menjadi lambang bahawa seseorang sultan itu sudah mempunyai kuasa kerajaan.²² Selain itu, wilayah kekuasaan juga adalah penting dalam menentukan kedudukan kedaulatan dan legitimasi sultan. Pemilikan kawasan adalah menandai kekuatan seseorang raja. Keluasan kawasan pemerintahan merujuk kepada kuat atau lemah kuasa raja tersebut.²³ Kawasan yang dimiliki dan kedudukan sultan perlu mendapat pengiktirafan dari kuasa besar. Ini untuk menentukan kedaulatan dan legitimasi sultan dan Kerajaan Kedah mendapat pengiktirafan.²⁴ Proses mendapat pengiktirafan ini berlaku melalui cara hubungan diplomatik, perdagangan dan perkahwinan. Kemudian untuk mengukuhkan lagi kedudukan sultan maka baginda perlu mempunyai satu struktur dan jentera kerajaannya sendiri dalam membantu baginda dalam urusan pentadbiran. Para pembesar, pembahagian pemerintahan dari peringkat istana, daerah dan kampung serta peranan setiap satunya yang jelas adalah penting dalam mendukung kedaulatan dan legitimasi di Kedah.

Peranan Geneologi sebagai Asas Kedaulatan dan Legitimasi Kerajaan Kedah

Geneologi atau susur galur keturunan adalah aspek penting dalam penentuan seseorang di kalangan kerabat diraja untuk ditabalkan menjadi sultan. Ini adalah diharapkan supaya kedaulatan dan legitimasi dapat diterima secara sah. Menurut Yunus Maris²⁵, geneologi adalah berkaitan dengan daftar keturunan. Dari segi istilah etimologi, geneologi adalah bermaksud garis keturunan atau jurai keturuan. George Balandier pula memberi maksud geneologi adalah hubungan yang berdasarkan kekeluargaan dan mempunyai ikatan di kalangan ahli tersebut.²⁶ Dalam memahami geneologi ini terdapat tiga jenis sistem yang dikenali sebagai geneologi patrilinear, matrilinear dan bilateral. Geneologi patrilinear adalah lebih memberatkan jurai keturunan sebelah bapa/lelaki. Ini bermaksud dalam hubungan generasi ke generasi adalah dikira pada susur galur keturunan sebelah bapa sahaja. Sekiranya si bapa mempunyai anak lelaki dan anak perempuan, maka ikatan kekeluargaan adalah melihat kepada anak lelaki dalam pengangkatan raja.²⁷ Geneologi matrilinear pula adalah susur galur keturunan yang melihat pada sebelah ibu/wanita. Bertentangan dengan patrilinear,

²¹ Muhammad Hassan, *Al-Tarikh...*, hlm. 26-29.

²² Ismail Saleh, *Tak Sesungguh Seluang Melaut, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman*, Alor Setar, 1999, hlm. 39-41.

²³ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fuziah Shafie, *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 18-20.

²⁴ Ibid.

²⁵ Yunus Maris, *Kamus Fajar Rumi-Jawi, Fajar Bakti*, Petaling Jaya, 1984, hlm.480.

²⁶ George Blandier, *Antropologi Politik*, CV Rajawali, Jakarta, 1986, hlm. 127.

²⁷ M. Yahya Mansur, et. al, *Sistem Kekerabatan dan Pola Perwarisan*, Pustaka Grafika Kita, Jakarta, 1998, hlm. 17.

matrilineal melihat hubungan jalur keturunan dari ibu sahaja yang akan memindahkan hubungan kekeluargaan dari sebelah anak perempuan.²⁸ Kemudian geneologi bilateral adalah melihat susur galur keturunan dari kedua belah pihak. Hubungan kekerabatan dan kekeluargaan dilihat pada kedua ibu bapa.²⁹ Melihat dari sudut pandangan Islam, geneologi adalah dipengaruhi pada sistem pewarisan harta yang menjelaskan bahawa harta benda bukan keseluruhan dipusatkan oleh anak lelaki sahaja tetapi keduanya mengikut sistem pembahagian Islam.³⁰

Dalam kerajaan Kedah, apabila terdapat kemangkatan Sultan, maka pembesar akan bertanggungjawab dalam menentukan pertabalan Sultan. Pembesar akan menjustifikasi berdasarkan kepada putera Sultan yang paling popular dan yang kurang digemari lazimnya akan tersingkir. Berikutan dengan penyingkiran akan menyebabkan berlakunya perebutan takhta dan seterusnya perang saudara. Justeru itu, dalam analisis kajian ini adalah memastikan kelayakan sebenarnya bakal Sultan mengikut geneologi bagi memastikan pengesahan Sultan mendapat kedaulatan dan legitimasi. Berdasarkan pendapat Kobkua Suwananthat Pian menyatakan bahawa dalam penentuan kedudukan Sultan di kerajaan Kedah adalah berlandaskan kepada susur galur pemerintah.³¹ John R. Bowen juga menegaskan bahawa kejayaan atau kegagalan ditabalkan menjadi Sultan adalah melihat kepada geneologinya samada berketurunan darah diraja atau Melayu asli.³²

Dalam kerajaan Kedah tradisional, perebutan takhta telah dikenalpasti berlaku pada tahun 1681 di antara adinda Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I iaitu Dato' Padang Seri Jana yang cuba mengguling saudaranya dengan bantuan Bugis dari Selangor.³³ Meskipun percubaan merampas takhta ini gagal namun ia telah menggambarkan percubaan pergulingan yang pertama di kerajaan Kedah. Justeru itu, kajian ini mengenalpasti bahawa adalah penting untuk menentukan jalur keturunan darah pemerintah dalam menyelesaikan isu perebutan takhta tersebut. Dalam pemilihan takhta, seharusnya melihat pada jalur keturunan dari darah diraja sahaja. Gelaran ‘Tunku’ adalah merujuk kepada keturunan golongan diraja di negeri Kedah. Mengikut Muhammad Isa Othman,³⁴ terdapat di kalangan kerabat diraja yang dikenali sebagai anak gahara dan anak gundik. Maka dalam pemilihan sultan selayaknya untuk menaiki takhta adalah anak gahara sahaja kerana mengikut nisab sebelah bapa dan ibu adalah keduanya dari darah keturunan diraja. Namun adakah dalam pemilihan sultan di kerajaan Kedah tradisional adalah hanya dari anak gahara? Dalam kerajaan Sriwijaya anak gahara dikenali dengan gelaran *rajakumara* dan anak gundik dengan gelaran *rajaputra*.³⁵ Melihat kepada isu perebutan kuasa pada tahun 1681 tersebut adalah disebabkan pertikaian siapa yang sebenarnya layak menduduki takhta. Dalam perebutan takhta di antara Sultan Dhiauddin I dan Dato' Padang Seri Jana adalah berpihak kepada Sultan Dhiauddin I disebabkan geneologi keduanya ibubapa baginda iaitu Sultan Muhyiddin Mansor Shah dan Wan

²⁸ Abdullah Taib, *Antropologi Budaya dan Sosial*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1981, hlm. 245.

²⁹ Hildred Geertz, *Keluarga Jawa*, Grafika Press, Jakarta, 1983, hlm. 19.

³⁰ Sidi Gazalba, *Di Ambang Pintu Perkahwinan*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 76-77.

³¹ Kobkua Suwannanthat Pian, Kesultanan Kedah, *Ensaiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 1195.

³² John Bastin dan R. W. Winks (edt.), John R. Bowen, *Cultural Models for Historical Genealogies: The Case of the Melaka Sultanate*, *Melaka History*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 164.

³³ Muhammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 17.

³⁴ Muhammad Isa Othman, ‘Elite Politik dan Pentadbir Tradisional Kedah-Tinjauan Zaman Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II’, *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman*, Lembaga Muzium Kedah Darulaman, Alor Setar, 1991, hlm. 46.

³⁵ Abdullah Jumain, *Hiraki Sosial...*, hlm. 168.

Sara adalah dari keturunan diraja dan Sultan Dhiauddin I merupakan anak gahara.³⁶ Sedangkan Dato' Padang Seri Jana masih tidak dapat dipastikan geneologi beliau disebabkan kedudukannya di istana kurang mendapat perhatian.

Selain dari darah keturunan diraja, aspek lain yang menentukan kedaulatan dan legitimasi kerajaan Kedah tradisional adalah keturunan bangsa. Contohnya peristiwa yang berlaku sewaktu zaman Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I pada akhir abad ke-17 M dalam pemilihan Raja Muda. Mengikut genealogi Tunku Ngah Putera yang diangkat sebagai sultan adalah bertepatan dengan darah keturunan diraja ayahandanya Tunku Sapura Negara yang berkahwin dengan bundanya Raja Juang Tawa yang berasal dari keturunan diraja Bugis. Namun disebabkan baginda bukan Melayu asli maka pemilihan sebagai bakal Sultan Kedah tidak mendapat sokongan pembesar kerana beliau berketurunan Bugis.³⁷ Kedudukan anak sulung atau *primogeniture* juga penting dalam menentukan kedaulatan dan legitimasi kerajaan Kedah. Dalam perbincangan sebelumnya, keturunan diraja dan keturunan bangsa adalah signifikan dalam pemilihan bakal Sultan, namun ciri kedudukan putera sulung juga bersamaan dalam menentukan pengabsahan seorang Sultan di Kedah. Mengikut pemilihan putera tertua di kalangan anak gahara yang berketurunan Melayu asli adalah layak namun peristiwa yang berlaku sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin II (1710-1778) telah menentukan Tunku Abdullah sebagai bakal Sultan yang bukan dari putera sulung. Tunku Abdullah mempunyai dua orang saudara iaitu Tunku Anjang dan Tunku Long Putera. Jika mengikut ketentuan genealogi, sepatutnya Tunku Long Putera yang menjadi Sultan disebabkan beliau adalah putera sulung Sultan Muhammad Jiwa II yang tertua.³⁸

Aspek geneologi yang ditekankan dalam menentukan pertabalan Sultan adalah berdasarkan keturunan darah diraja, keturunan bangsa Melayu dan kedudukan putera sulung juga disokong oleh aspek-aspek lain seperti pengaruh golongan pembesar dan putera kesayangan Sultan. Dalam Kerajaan Kedah tradisional, pengaruh golongan pembesar memainkan peranan penting setiap kali kemangkatan Sultan dalam menentukan pemilihan bakal Sultan. Gullick³⁹menegaskan bahawa semasa hayat Sultan, baginda boleh menentukan di kalangan puteranya sebagai pengganti sultan yang dikenali sebagai Raja Muda. Pemilihan Raja Muda tidak ditentukan oleh pembesar tetapi Sultan yang bertakhta mengikut kelayakan pertimbangan baginda sebagaimana dalam ciri penentuan bakal Sultan. Mengikut peranan Raja Muda bukan semestinya sebagai pengganti Sultan tetapi memangku jawatan Sultan jika ketiadaan baginda di istana. Meskipun Sultan dapat memilih di kalangan puteranya yang berkelayakan namun pengaruh pembesar tidak terkecuali dalam memberi sokongan kepada bakal pengganti Sultan yang mereka gemari.⁴⁰

Seterusnya pemilihan bakal Sultan adalah berdasarkan kepada putera baginda yang disayangi atau yang mendapat perhatian. Keadaan ini menimbulkan situasi kurang puas hati di kalangan putera-putera baginda yang tidak mendapat perhatian. Maka lanjutan tercusus perang saudara dan perebutan takhta di kalangan putera Sultan dan kerabat diraja akibat iri hati. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II, baginda mempunyai putera gahara dan putera gundik yang kerap bermusuhan di kalangan mereka semata-mata untuk menjadi calon pengganti Sultan. Akhirnya, mengikut kepada pertimbangan dan rasional baginda lebih memberi perhatian kepada putera gaharanya dari perkahwinan baginda dengan Tunku Puteri

³⁶ Muhammad Hassan, Al-Tarikh..., hlm. 74.

³⁷ Ibid., hlm. 84.

³⁸ Ibid., hlm. 128.

³⁹ Gullick, *Sistem Politik Bumiputera...*, hlm. 94-96.

⁴⁰ Ibid., hlm. 79.

iaitu Tunku Abdullah dan Tunku Dhiauddin. Sedangkan putera gundik baginda dari perkahwinannya dengan Cik Puan iaitu Tunku Anjang dan Tunku Long Putera tidak dipilih untuk mengganti Sultan.⁴¹ Ini menunjukkan bahawa putera yang menjadi kesayangan atau mendapat perhatian Sultan lebih dgemari untuk dijadikan calon Sultan. Namun, kekuatan kepada status putera gahara menyababkan putera gundik seringkali tersisih dan tidak mendapat perhatian Sultan dalam pemilihan bakal pengganti Sultan.

Kesimpulan

Perbincangan di atas telah menyentuh tentang geneologi dari aspek keturunan darah diraja, keturunan bangsa Melayu asli dan kedudukan putera sulung sebagai ciri-ciri utama dalam menentukan kedaulatan dan legitimasi sewaktu proses pertabalan Sultan. Di samping itu, ciri-ciri seperti sokongan pembesar dan putera kesayangan Sultan juga bersama-sama mempengaruhi ketiga ciri-ciri utama tersebut. Kesemua ciri-ciri itu dipengaruhi pula oleh elemen seperti geo-politik, rakyat, agama, ekonomi dan pengaruh kuasa asing dalam politik istana kerajaan Kedah tradisional yang menjadi elemen sampingan dalam menentukan kedaulatan dan legitimasi bakal pengganti Sultan dan kerajaannya. Kedaulatan dan legitimasi adalah dua elemen penting dalam menentukan kedudukan Sultan yang bakal memegang kuasa di Kerajaan Kedah tradisional. Perebutan kuasa dan perang saudara yang berlaku adalah kerana ciri-ciri utama dalam menentukan bakal pengganti Sultan tidak memenuhi kriteria sehingga menimbulkan persengketaan dalam politik istana Kedah tradisional. Maka dalam mengenalpasti punca kepada pertikaian adalah perlu dijelaskan dan dikaji genologi supaya kedaulatan dan legitimasi dapat dihalalkan dengan kriteria yang sewajarnya.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kedaulatan dan legitimasi adalah dua aspek yang penting mendasari dalam pembentukan kerajaan pada zaman tradisional terutama dalam sistem penggantian raja. Tanpa kedua konsep ini agak sukar dalam menyelesaikan dan menguraikan permasalahan yang berlaku dalam istana. Persengketaan yang lebih besar berlaku bila faktor-faktor yang menentukan kedaulatan dan legitimasi tidak dinyatakan dengan jelas dalam penyelesaian masalah istana. Inilah yang membawa kepada ketidakpuasan hati hingga mencetuskan perang saudara di Kedah. Justifikasi dengan memberi fokus kepada geneologi adalah satu aspek yang menentukan kedudukan kedaulatan dan legitimasi akan tetap dan terus terpelihara berada pada saluran yang sah.

Rujukan

- Abdullah Jumain. (1997). *Hiraki Sosial dalam Kerajaan-kerajaan Awal di Nusantara*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Taib. (1981). *Antropologi Budaya dan Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bowen, John R. (1996). ‘Cultural Models for Historical Genealogies: The Case of the Melaka Sultanate’. In *Melaka History. The Transformation of the Malay Capital*. Kernial Singh Sandhu & Paul Wheatley (edts.). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Blandier, George. (1986). *Antropologi Politik*. Jakarta: CV Rajawali.
- Bradell, Roland. (1980). ‘A study of ancient times in the Malay Peninsula and the straits of Malacca and noes as ancient times in Malaya’. *MBRAS*: Kuala Lumpur.
- Geertz, Hildred. (1983). *Keluarga Jawa*. Jakarta: Grafika Press.
- Gullick, J. M. (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴¹ Muhammad Hassan, hlm. 226 dan Muhammad Isa Othman, hlm. 19.

- Hall, Kenneth R. (1985). *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Ismail Saleh. (1999). *Tak Sesungguh Seluang Melaut*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman.
- K. Ramanathan. (1988). *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (1999). *Kerajaan dan Negeri: Ke Arah Depersonalization Institusi Raja*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancangan Malaysia.
- Kobkua Suwannathat Pian. (1999). Kesultanan Kedah, *Ensaiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Dahlan Mansoer. (1979). *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Yahya Mansur, et. al. (1998). *Sistem Kekerabatan dan Pola Perwarisan*. Jakarta: Pustaka Grafika Kita.
- Maar, G. David G. & Milner, A. C. (edt.). (1986). *The Early and the Imperial Kingdom in Southeast Asian History, Southeast Asia in the 9th to 14th centuries*. Singapura: Institute Southeast Asian Studies.
- Mestika Zed. ‘Pendekatan Deskriptif dan Analitik Dalam Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah’.
- 2016.https://www.academia.edu/28535975/PENDEKATAN_DESKRIPTIF_DAN_ANALITIK_DALAM_PEMBELAJARAN_SEJARAH_DI_SEKOLAH_MENENGAH.
- tarikh akses 12 Ogos 2018.
- Milner, A. C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Arizona: University of Arizona.
- Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fuziah Shafie. (1994). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd. Arshad. (1968). *Al-Tarikh Silsilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Isa Othman. (1991). ‘Elite Politik dan Pentadbir Tradisional Kedah-Tinjauan Zaman Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II’. Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman. Alor Setar: Lembaga Muzium Kedah Darulaman.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1993). Pre-modern Cities in Malay Peninsula and Sumatera, *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Bangi: Ikatan Arkeologi Malaysia.
- S.Q. Fatimi. (1960). In quest of Kalah. *JSEAH*. Vol. 1. No.2.
- Sidi Gazalba. (1981). *Di Ambang Pintu Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Winstedt, R. O. (1976). *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Yunus Maris. (1984). *Kamus Fajar Rumi-Jawi*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.